

Newspaper	Sinar Harian
Date	13 June 2015

# Surat saya tidak berbalas: Tun M

Sinar Harian - 13/6/2015



Dr Mahathir ketika menghadiri persidangan antarabangsa 'Plight of the Rohingya Part II Crime Against Humanity' di Muzium Kesenian Islam, semalam.

By I CONNIE S MONCAL

**KUALA LUMPUR** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menghantar surat kepada pemimpin berpengaruh Myanmar, Aung San Suu Kyi bagi meminta negara tersebut menghentikan pembunuhan berterusan terhadap etnik Rohingya.

Namun begitu, Dr Mahathir berkata, surat yang dihantar itu tidak menerima sebarang maklum balas daripada negara berkenaan.

"Saya tidak gembira kerana tidak menerima maklum balas surat itu. Tapi mungkin dia tidak terima... saya tidak tahu," katanya pada Persidangan Antarabangsa 'Plight of the Rohingya Part

U Crime Against Humanity' anjuran Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF), semalam.

Dr Mahathir berkata, tindakan membunuh etnik Rohingya merupakan sesuatu perbuatan yang kejam dan tidak boleh diterima oleh manaagama.

Katanya, ia sesuatu jenayah yang tidak dapat diterima oleh Asean dan dunia.

"Myanmar perlu bertanggungjawab kerana hal ehwal dalaman negaranya kini telah menjadi satu isu antarabangsa.

"Asean mesti memberitahu Myanmar untuk berhenti membunuh dan melakukan penindasan, jika tidak, lebih baik tinggalkan Asean!" katanya.

Menurutnya, tindakan Myanmar itu akan memburukkan nama Asean sekiranya negara itu berterusan bersikap tidak berperikemanusiaan.

Dr Mahathir yang juga merupakan Presiden PGPF berkata, satu tindakan tegas perlu dikenakan kepada Myanmar di atas perbuatan mereka.

"Membunuh orang... ia satu jenayah. Adakah kita melakukan apa-apa? Tidak. Kita tidak melakukan apa-apa tindakan. Sudah tiba masanya untuk Malaysia, Asean dan dunia untuk tampil campur tangan dengan isu ini

"Kita perlu campur tangan Rohingya perlu dipertahankan dari luar jika dari dalam negara sendiri mereka gagal dipertahankan" katanya.